

'Tindakan polis betul'

Daripada AZNAN BAKAR

KAMPALA, Uganda 25 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempertahankan tindakan polis menyuraikan demonstrasi di Kuala Lumpur awal pagi ini dengan menyifatkannya sebagai langkah perlu untuk menjaga keamanan dan keselamatan orang ramai.

Sambil mengingatkan kumpulan yang terlibat bahawa mereka tidak akan terlepas dari tindakan undang-undang, Perdana Menteri menegaskan, polis terpaksa bertindak demikian demi menjaga kepentingan rakyat keseluruhannya.

Katanya, majoriti rakyat mahukan keamanan dan tindakan kumpulan tersebut juga dipercayai bermotifkan kepentingan politik pihak tertentu ekoran pilihan raya yang bakal menjelang.

"Polis telah menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kekerasan walaupun terpaksa bertegas ketika menyuraikan mereka," katanya kepada wartawan Malaysia ketika ditemui di hotel penginapannya di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang berada di ibu negara Uganda ini bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) berkata demikian ketika diminta mengulas demonstrasi yang ber-



ABDULLAH Ahmad Badawi menurunkan tandatangan pada plak sebagai tanda pembukaan Pusat Furnishing Malaysia sambil disaksikan Datin Seri Jeanne Abdullah dan Pengarah Urusan pusat itu, V. Sekaran (kiri) di Kampala, Uganda, semalam.

laku di Kuala Lumpur itu.

Demonstrasi anjuran Hindu Rights Action Force (Hindraf) itu diadakan untuk menghantar petisyen kepada Suruhanjaya Tinggi British bagi menuntut pampasan bagi masyarakat India.

Menurut Perdana Menteri, dari awal lagi polis tidak membenarkan demonstrasi tersebut kerana penilaian mendapati ia me-

ngancam keselamatan dan ketenteraman awam.

"Soal hendak tentukan keamanan dan keselamatan serta sama ada sesuatu akan mendatangkan ancaman adalah pihak polis.

"Mereka lebih mengetahui dan apabila ia didapati tidak boleh dilakukan maka kebenaran tidak diberikan, maka pihak ini perlulah memahami.

"Kalau mereka mahu hantar memorandum, mereka boleh hantar. Bukannya tidak boleh kalau nak hantar memorandum. Apa niat mereka bila lakukan seperti itu," katanya.

Polis, katanya, bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan dan ia merupakan amanah yang diberikan kepada mereka yang perlu dilaksanakan.

"Ada pihak yang tak nak demonstrasi tetapi mereka ini tidak ada kekuatan untuk halang, jadi mereka bergantung kepada polis untuk ambil tindakan guna undang-undang," jelas Abdullah.

Selain itu, Perdana Menteri turut menyelar tindakan kumpulan terbahit yang menyalahgunakan kebebasan dan hak untuk bersuara.

Katanya, pada masa ini, ada bermacam-macam penerbitan yang menghentam kerajaan, di samping laman-laman blog yang melampau hingga ada yang tidak bertanggungjawab.

"Kalau semua orang buat macam ini, maka kita akan bergaduh dan tidak ada keamanan. Masing-masing kaum ada pendirian masing-masing dan akan sentiasa ada desakan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sentiasa bertindak seadil-adilnya untuk memenuhi setiap tuntutan rakyat tetapi sudah pasti tidak semua dapat ditunaikan.

"Jika tidak adil dan kejam, kita tidak boleh jadi kerajaan sampai ke hari ini," katanya.

Menurut beliau, walaupun usaha membasmi kemiskinan dilakukan secara berterusan tetapi masih ada yang tertinggal dan ia membabitkan semua kaum dan bukan kaum tertentu sahaja.

"Setiap kaum ada yang miskin dan ada juga yang kaya," tegasnya.